

Research Article

Hedonisme Sebagai Cabaran Ideologi Terhadap Aqidah Umat Islam di Era Media Digital

Haswira Salleh Ahim

Pelajar Sarjana Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei Darussalam;
haswirabatalun@gmail.com

Copyright © 2026 by Authors, Published by AL-IKHSAN: Interdisciplinary Journal of Islamic Studies. This is an open access article under the CC BY License <https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>

Received : January 12, 2026

Revised : February 15, 2026

Accepted : March 17, 2026

Available online : April 06, 2026

How to Cite: Haswira Salleh Ahim. (2026). Hedonism as an Ideological Challenge to the 'Aqidah of the Muslim Ummah in the Digital Media Era. *AL-IKHSAN: Interdisciplinary Journal of Islamic Studies*, 4(1), 83–101. <https://doi.org/10.61166/ikhsan.v4i1.152>

Hedonism as an Ideological Challenge to the 'Aqidah of the Muslim Ummah in the Digital Media Era

Abstract. The development of modern culture and the influence of digital media have transformed hedonism from a purely philosophical debate into a lifestyle that emphasizes self-gratification, unrestricted freedom, and the prioritization of personal desires. This phenomenon becomes problematic when pleasure is regarded as the primary measure of life success, as it potentially conflicts with the Islamic value system and 'aqidah. Accordingly, this article aims to analyze modern hedonism and examine its distinctions from an Islamic perspective. This study adopts a qualitative library-based approach by analyzing classical and contemporary texts, as well as academic articles in the field of Islamic thought. The findings indicate that modern hedonism has shifted from an ethical

theory to a way of life oriented toward pleasure and individual freedom, whereas Islam situates human life within a framework of tawhīd, responsibility, and self-discipline. This contrast demonstrates that modern hedonism carries significant ideological implications for the formation of Islamic values and identity, thereby necessitating a stronger Islamic understanding in addressing contemporary cultural challenges.

Keywords: Hedonism, ideological challenge, Islamic 'aqidah, digital media era

Abstrak. Perkembangan budaya moden dan pengaruh media digital telah menjadikan hedonisme bukan lagi sekadar perbincangan falsafah, tetapi berkembang sebagai gaya hidup yang menekankan kepuasan diri, kebebasan tanpa batas dan pengutamaan keinginan peribadi. Fenomena ini menimbulkan masalah apabila nilai keseronokan dijadikan ukuran kejayaan hidup, sehingga berpotensi bercanggah dengan kerangka nilai dan aqidah Islam. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis hedonisme moden serta perbezaannya menurut perspektif Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kepustakaan, dengan menganalisis buku-buku klasik dan kontemporari, serta artikel akademik dalam bidang pemikiran Islam. Hasil kajian mendapati bahawa hedonisme moden telah mengalami peralihan daripada teori etika kepada amalan hidup yang berorientasikan keseronokan dan kebebasan individu, manakala Islam meletakkan kehidupan manusia dalam kerangka tauhid, tanggungjawab dan pengawalan diri. Perbezaan ini menunjukkan bahawa hedonisme moden membawa implikasi ideologi yang besar terhadap pembentukan nilai dan jati diri Islam, sekali gus menuntut kefahaman Islam yang lebih kukuh dalam menghadapi cabaran budaya kontemporari.

Kata kunci: Hedonisme, Cabaran Ideologi, Aqidah Umat Islam, Era Media Digital

PENDAHULUAN

Perkembangan pesat media digital dan media sosial telah membawa perubahan besar terhadap landskap kehidupan manusia pada era kontemporari ini, di mana teknologi komunikasi bukan sahaja mempengaruhi cara manusia berinteraksi dan mendapat maklumat, tetapi turut membentuk cara berfikir dan gaya hidup masyarakat moden. Platform digital seperti media sosial dan kandungan visual telah menjadi medium utama pembentukan budaya popular, khususnya dalam kalangan remaja dan belia yang terdedah secara berterusan kepada pelbagai pemikiran serta pengaruh global yang mempengaruhi identiti sosial dan nilai kehidupan mereka.¹

Dalam konteks ini, hedonisme bukan sekadar kecenderungan individu terhadap hiburan atau keseronokan, tetapi telah berkembang menjadi satu bentuk ideologi gaya hidup yang menekankan keseronokan, kepuasan nafsu dan kebebasan peribadi sebagai matlamat utama kehidupan, sama ada melalui penyebaran digital yang menarik, budaya hiburan tanpa batas dan pencarian

¹ Puteri, Rasdica Denara Hernowo. "The influencer and hedonist lifestyle of digital society." *Jisiera: The Journal of Islamic Studies and International Relations*, Volume 3, no. 1 (Ogos 2018), 1-14.

kesenangan segera semakin dinormalisasikan sehingga bentuk fahaman ini sukar dikenal pasti sebagai aliran ideologi gaya hidup.²

Kesan daripada perkembangan ini menimbulkan kebimbangan serius terhadap ketahanan nilai aqidah umat Islam, khususnya dalam kalangan generasi muda Islam yang terdedah kepada kandungan yang hedonistik tanpa sempadan. Pendedahan ini berpotensi melemahkan kefahaman terhadap tujuan hidup yang sebenarnya, konsep ibadah serta batasan syariat, kerana Islam menekankan keseimbangan antara dunia dan akhirat termasuk pengawalan hawa nafsu semakin dicabar oleh budaya yang mengutamakan kepuasan diri.³

Lebih membimbangkan lagi, pengaruh hedonisme dalam era digital ini tidak berlaku secara terang-terangan, tetapi beroperasi secara halus, berperingkat serta sistematik melalui budaya-budaya popular dan individu yang berpengaruh. Justeru, ia menjadikan gaya hidup hedonistik kelihatan sebagai sesuatu yang biasa dan tidak bercanggah dengan nilai agama. Fenomena ini menyebabkan peralihan nilai secara perlahan tanpa disedari sehingga sebahagian umat Islam mula menerima unsur-unsur hedonisme sebagai sebahagian daripada kehidupan moden.⁴

Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menganalisis hedonisme sebagai satu cabaran ideologi terhadap aqidah umat Islam di era digital ini dengan menumpukan perbincangan kepada pemahaman konsep hedonism, cara penyebarannya melalui media digital dan implikasinya terhadap kefahaman aqidah. Analisis ini diharapkan dapat menyumbang kepada kajian akademik dalam bidang aqidah dan pemikiran kontemporari. Juga mencadangkan pendekatan berteraskan Islam bagi menghadapi cabaran ideologi hedonisme secara lebih berkesan.

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian perpustakaan. Kajian ini meneliti dan menganalisis sumber-sumber akademik yang relevan dalam bidang falsafah dan pemikiran Islam. Bahan rujukan terdiri daripada buku-buku klasik, buku pemikir kontemporari dan artikel-artikel ilmiah yang membincangkan konsep hedonisme, kebahagiaan dan gaya hidup moden. Pendekatan ini dipilih bagi memahami perkembangan konsep hedonisme daripada perbincangan falsafah kepada pengamalan hedonisme dalam kehidupan moden sebagai gaya hidup kontemporari, di samping meneliti perbezaan asas

² Abdullah, S. H. N., & Aman, N. S. "Budaya Hedonisme: Penetrasi Dalam Kalangan Mahasiswa" *E-Prosidang Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-10 (PASAK 10 2025)*, Selangor 06-07 Ogos 2025, Universiti Islam Selangor

³ Puteri, Rasdica Denara Hernowo. "The influencer and hedonist lifestyle of digital society." *Jisiera: The Journal of Islamic Studies and International Relations*, Volume 3, no. 1 (Ogos 2018), 1-14.

⁴ Puteri, Rasdica Denara Hernowo. "The influencer and hedonist lifestyle of digital society." *Jisiera: The Journal of Islamic Studies and International Relations*, Volume 3, no. 1 (Ogos 2018), 1-14.

hedonisme moden dengan konsep kebahagiaan yang dikemukakan dalam tradisi pemikiran Islam.

Analisis perbandingan digunakan bagi menghubungkan perbincangan hedonisme klasik dan kontemporari dengan konsep kebahagiaan berteraskan nilai moral dan spiritual dalam ajaran Islam. Melalui kaedah ini, kajian berusaha menampilkan penilaian mendalam yang berasaskan kerangka aqidah Islam, sekali gus menyumbang kepada wacana akademik berkaitan cabaran ideologi hedonisme terhadap pembentukan nilai dan kefahaman hidup masyarakat Islam masa kini.

DEFINISI HEDONISME

Istilah hedonisme berasal daripada perkataan Yunani *hēdonē* yang membawa maksud kesenangan atau kenikmatan. Dalam konteks pemikiran falsafah ia merujuk kepada pandangan yang menempatkan keseronokan sebagai nilai tertinggi serta matlamat utama kehidupan manusia. Hedonisme sebagai ajaran falsafah menyatakan bahawa sesuatu perbuatan dianggap baik sekiranya ia mendatangkan keseronokan dan menghindari kesakitan, juga meletakkan kesenangan sebagai satu-satunya benda yang bernilai bagi kehidupan yang baik dan bermakna.⁵

Dalam pemikiran klasik, hedonisme dikaitkan dengan tokoh falsafah Yunani seperti Aristippus dan Epicurean yang mengajukan bahawa kebahagiaan dapat dicapai dengan mengejar kesenangan serta mengelakkan penderitaan, walaupun masing-masing menekankan aspek keseronokan yang berbeza dalam kehidupan manusia.⁶

Namun begitu, konsep hedonisme yang hidup dalam konteks kontemporari telah berkembang melampaui perbincangan falsafah sahaja dan turut diterjemahkan sebagai satu gaya hidup yang menekankan kepuasan, kebebasan tanpa batas dan pengutamakan keinginan peribadi. Dalam konteks ini, hedonisme bukan lagi sekadar etika tetapi dijadikan ukuran kejayaan dan kebahagiaan hidup oleh sesetengah individu serta menunjukkan perbezaan yang ketara dengan konsep kebahagiaan yang ditawarkan dalam tradisi falsafah lain mahupun dalam ajaran Islam.⁷

Hedonisme Sebagai Ideologi Kontemporari

Dalam era globalisasi dan digital ini, hedonisme telah berubah daripada sekadar kecenderungan individu kepada satu bentuk ideologi dan budaya global yang mempengaruhi struktur pemikiran dan gaya hidup masyarakat moden. Perkembangan ini diperkukuhkan melalui sistem ekonomi berteraskan kapitalisme,

⁵ de Lazari-Radek, K. *The philosophy of pleasure: an introduction*, London: Routledge, 2024

⁶ Epicurus, Letter to Menoeceus, dalam *The Epicurus Reader*, ed. Brad Inwood & L. P. Gerson, Hackett Publishing, Indianapolis, 1994, hlm. 28–32.

⁷ Widiari, Ni Luh Putu Sri, and Ulandari Cahyani. "Membedah Gaya Hidup Hedonis Dari Perspektif Filsafat Stoikisme." *Vidya Darsan: Jurnal Mahasiswa Filsafat Hindu*, Volume 6, no. 2 (April 2025), 195-202.

industri hiburan serta media massa yang mempromosikan keseronokan, kepuasan diri dan kemewahan sebagai ukuran kebahagiaan serta kejayaan hidup. Dalam konteks ini, hedonisme tidak lagi bersifat peribadi, sebaliknya berfungsi sebagai norma sosial yang diterima dan dinormalisasikan secara bersama dalam kehidupan seharian.⁸

Hedonisme kontemporari mempunyai hubungan yang rapat dengan fahaman liberalisme⁹, individualisme dan materialisme yang berlandaskan pemikiran atau ideologi moden Barat. Liberalisme menekankan kebebasan individu daripada ajaran agama dan nilai akhlak, sementara individualisme mengangkat kepentingan serta kehendak diri sebagai keutamaan hidup dan materialisme menilai kebahagiaan berdasarkan pemilikan dan pengalaman duniawi. Gabungan fahaman-fahaman ini membentuk satu pemikiran ideologi yang mengukuhkan hedonisme sebagai gaya hidup moden yang dianggap berkesan dan progresif.¹⁰

Normalisasikan hedonisme berlaku secara menyeluruh melalui industri hiburan dan media digital, khususnya media sosial yang berfungsi sebagai agenda utama pembentukan budaya popular. Kandungan hiburan, gaya hidup mempengaruhi (*influencer*) digital memaparkan keseronokan dan kepuasan diri sebagai sesuatu yang wajar dan selari dengan kehidupan moden. Proses ini secara tidak langsung meminggirkan nilai kesederhanaan, pengawalan diri dan tujuan hidup yang berteraskan agama, sekali gus menjadikan hedonisme satu cabaran ideologi yang serius terhadap aqidah umat Islam.¹¹

AQIDAH ISLAM DAN JALAN KEHIDUPAN BERAGAMA

Konsep Aqidah Dalam Islam

Aqidah merupakan teras utama dalam ajaran Islam yang membentuk asas keimanan dan jalan kehidupan seorang Islam. Dari sudut istilah, aqidah merujuk kepada keyakinan yang jelas dan tegas terhadap perkara-perkara asas keimanan seperti keesaan Allah SWT, kenabian, hari akhirat dan segala perkara ghaib yang ditetapkan oleh syariat. Aqidah bukan sekadar pengangan teori, bahkan merupakan

⁸ Dittmar, Helga, Rod Bond, Megan Hurst, and Tim Kasser. "The relationship between materialism and personal well-being: A meta-analysis." *Journal of personality and social psychology*, Volume 107, no. 5 (Nov 2014), 879.

⁹ Lo, Eko Widodo. "The Effects of Hedonism and Gender on Liberal Accounting." *Telaah Bisnis*, Volume 20, no. 2 (Mac 2021), 1-8.

¹⁰ Hamzah, Halipah, Muhammad Azizan Sabjan, and Noor Shakirah Mat Akhir. "Konsep Budaya Hedonisme Dan Latar Belakangnya Dari Perspektif Ahli Falsafah Yunani Dan Barat Moden (Concept Of The Culture Of Hedonism Topics And Its Background From The Perspective Of The Greek Philosophers And Modern Western)." *Journal of Al-Tamaddun*, Volume 11, no. 1 (Jun 2016), 49-58.

¹¹ Abdullah, S. H. N., & Aman, N. S. "Budaya Hedonisme: Penetrasi Dalam Kalangan Mahasiswa." *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-10 (PASAK 10 2025)*, Selangor 06-07 Ogos 2025, Universiti Islam Selangor

asas yang menentukan cara berfikir, bersikap dan bertindak dalam seluruh aspek kehidupan manusia.¹²

Salah satu fungsi utama aqidah ialah menentukan tujuan hidup manusia, iaitu penghambaan kepada Allah SWT (*'Ubudiyah*). Islam menegaskan bahawa manusia diciptakan untuk beribadah dan melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba Allah, bukan untuk mengejar keseronokan duniawi semata-mata. Kefahaman aqidah yang sah menjadikan kehidupan seorang Islam terarah kepada Allah SWT serta membentuk keseimbangan antara keperluan kehidupan dunia dan akhirat.¹³

Aqidah juga berperanan sebagai asas kepada kefahaman konsep halal dan haram dalam Islam. penentuan baik dan buruk tidak bergantung kepada kehendak individu atau pemikiran masyarakat, sebaliknya berpandukan kepada wahyu Illahi. Prinsip ini menolak pendekatan moral serta memastikan bahawa nilai dan perbuatan manusia diukur berdasarkan perintah dan larangan Allah SWT.¹⁴ Selain itu, aqidah berfungsi sebagai proses kawalan terhadap hawa nafsu dan syahwat. Keimanan kepada Allah SWT serta keyakinan terhadap pembalasan di akhirat melahirkan kesedaran rohani yang mendorong seseorang Islam mengawal keinginan diri dan menjauhi maksiat. Keseronokan dalam Islam bukan ditolak sepenuhnya, tetapi dikawal agar selari dengan syariat dan ketaatan kepada Allah SWT.¹⁵

Dalam pembentukan akhlak, aqidah memainkan peranan yang sangat besar. Iman yang benar melahirkan akhlak mulia seperti kesederhanaan, tanggungjawab dan rasa takut kepada Allah SWT. Akhlak yang baik bukan lahir secara spontan, tetapi merupakan hasil keyakinan dalaman yang kukuh, lalu diterjemahkan melalui tingkah laku zahir individu dan masyarakat.¹⁶ Sebaliknya, kelemahan aqidah membuka ruang kepada penyimpangan nilai dan tingkah laku. Apabila iman tidak menjadi asas dalam membuat keputusan hidup, manusia cenderung menjadikan hawa nafsu dan keseronokan sebagai tindakan utama kehidupan. Keadaan ini memudahkan kemasukkan pengaruh ideologi luar yang bercanggah dengan Islam termasuk hedonisme tanpa disedari.¹⁷

Oleh itu, aqidah Islam bukan sekadar aspek teologi yang terpisah daripada realiti kehidupan, tetapi merupakan jalan menyeluruh yang mengatur tujuan hidup, nilai akhlak dan tingkah laku manusia. Dalam menghadapi cabaran ideologi kontemporari iaitu hedonisme, pengukuhan aqidah menjadi benteng utama agar

¹² Al-Ṭabarī, Ibn Jarīr, and Muḥammad ibn Jarīr. *Jāmi' al-Bayān fī Ta'wīl al-Qur'ān*, taḥqīq: Aḥmad Shākir. Beirut: Mu'assasat al-Risālah (2000), hlm 5-7

¹³ Al-Asari, Abu al-Hasan. *al-Ibanah'an Usul al-Dīyanah*. Dar Al-Kotob Al-Ilmiyah, 2011, hlm. 42–44.

¹⁴ Al-Shatibi, Abu Ishaq. *Al-muwafaqat fi usul al-Shariah. Al-Maktabah Al-Tawfikia*, 2003, jld. 2, hlm. 302–305.

¹⁵ Abū Bakr al-Ājurri, *al-Sharī'ah*, Dār al-Waṭan, al-Riyāḍ, 1997, jld. 1, hlm. 289–292.

¹⁶ Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Dār al-Ma'rifah, Beirut, t.t., jld. 3, hlm. 56–58.

¹⁷ Abū Mansūr al-Māturīdī, *Kitāb al-Tawḥīd*, taḥqīq: Fathullah Kholeif, Dār al-Jāmi'ah al-Miṣriyyah, Kaherah, 1970, hlm. 395–398.

umat Islam mampu menilai dan menolak pengaruh yang bercanggah dengan ajaran Islam, khususnya dalam era media digital yang sarat dengan normalisasi keseronokan tanpa batas.

Prinsip Kebahagiaan Dalam Islam

Islam mempunyai konsep kebahagiaan yang tersendiri dan berbeza secara asas daripada fahaman hedonisme. Kebahagiaan dalam Islam tidak ditakrifkan semata-mata melalui keseronokan fizikal atau kepuasan nafsu, sebaliknya berasaskan ketenangan jiwa, keimanan kepada Allah SWT serta kehidupan yang diredhai. Oleh itu, kebahagiaan menurut Islam merupakan keadaan rohani dan moral yang stabil, bukan sekadar hawa nafsu yang bersifat sementara.¹⁸

Berbeza dengan hedonisme yang menjadikan keseronokan sebagai tujuan hidup, Islam menegaskan bahawa keseronokan hanyalah sebahagian kecil daripada kehidupan manusia dan mesti berada dalam batas syariat. Islam mengiktiraf fitrah manusia yang memerlukan kesenangan, namun menolak fahaman yang mengangkat keseronokan sebagai matlamat mutlak kehidupan. Kebahagiaan menurut Islam bersifat terkawal dan berpandukan kepada ketaatan dan bukan kebebasan tanpa batas.¹⁹ Salah satu prinsip utama kebahagiaan dalam Islam ialah keseimbangan antara kehidupan dunia dan akhirat. Islam tidak menolak keperluan duniawi, namun menegaskan bahawa dunia hanyalah sementara, manakala kebahagiaan hakiki terletak pada kejayaan di akhirat. Kefahaman ini melahirkan sikap sederhana dalam menikmati dunia serta kesungguhan dalam melaksanakan tanggungjawab ibadah.²⁰

Islam juga menekankan keseimbangan antara keperluan jasmani dan rohani dalam mencapai kebahagiaan. Keperluan fizikal semata-mata tidak mencukupi untuk melahirkan ketenangan jiwa, sebaliknya perlu disertai dengan pengisian rohani seperti iman, zikir dan akhlak yang baik. Keseimbangan ini menghasilkan ketenteraman dalaman yang berpanjangan, berbeza dengan keseronokan hedonistik yang bersifat sementara.²¹ Dalam tasawuf Islam, kebahagiaan sering dirujuk sebagai *sa'adah*, iaitu kebahagiaan hakiki yang merangkumi kesejahteraan dunia dan akhirat. *Sa'adah* diukur melalui kesempurnaan jiwa, akhlak yang baik serta kedekatan kepada Allah SWT, bukan melalui kenikmatan material atau kepuasan nafsu. Konsep ini menunjukkan perbezaan asas antara kebahagiaan Islam dan hedonisme yang berlandaskan nafsu sendiri.²²

¹⁸ Abū Ja'far al-Ṭahāwī, *al-'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*, taḥqīq: Aḥmad Shākīr, Dār al-Salām, Kaḥerah, 2000, hlm. 12–14.

¹⁹ Abū Bakr al-Ājurrī, *al-Sharī'ah*, Mu'assasah al-Risālah, Beirut, 1996, jld. 1, hlm. 289–291.

²⁰ Abū Ishāq al-Shātibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, Dār Ibn 'Affān, Riyadh, 1997, jld. 2, hlm. 168–170.

²¹ Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Mīzān al-'Amal*, Dār al-Ma'rīfah, Beirut, 2004, hlm. 98–101.

²² Abū Naṣr al-Fārābī, *Taḥṣīl al-Sa'ādah*, Dār wa Maktabat al-Hilāl, Beirut, 1995, hlm. 27–30.

Terakhir, pertembungan antara konsep *sa'adah* dalam Islam dan fahaman hedonisme memperlihatkan perbezaan yang amat ketara dalam memahami makna kebahagiaan. Hedonisme menilai kebahagiaan berdasarkan kepuasan segera dan dari nafsu, manakala Islam menilai kebahagiaan berdasarkan iman, ketaatan serta keseimbangan hidup. Kefahaman yang jelas terhadap prinsip kebahagiaan Islam amat penting untuk membina ketahanan aqidah umat Islam dalam menghadapi normalisasi hedonisme khususnya dalam era digital ini.

MEDIA DIGITAL SEBAGAI MEDIUM PENYEBARAN HEDONISME

Strategi Media Digital

Media digital memainkan peranan yang besar sebagai medium penyebaran ideologi dan pembentukan budaya kontemporari. Ciri- cirinya yang menarik, pantas dan berterusan membolehkan kandungan disebarluaskan secara meluas tanpa batasan ruang dan masa. Keadaan ini menjadikan media digital sebagai medium utama pembentukan persepsi, nilai dan gaya hidup masyarakat, khususnya generasi muda yang bergantung kepada platform digital sebagai sumber hiburan, maklumat dan rujukan sosial.²³

Salah satu strategi utama media digital ialah penggunaan algoritma yang direka untuk perhatian dan keterlibatan pengguna. Algoritma media sosial cenderung mengutamakan kandungan yang bersifat sensasi, menghiburkan dan mencetuskan reaksi emosi kerana kandungan sedemikian meningkatkan kadar tontonan dan interaksi. Akibatnya, kandungan berunsur hiburan melampau dan keseronokan sering dipromosikan secara berlebihan berbanding kandungan yang bersifat mendidik atau membina nilai moral.²⁴ Strategi algoritma ini seterusnya mewujudkan kitaran pendedahan berulang, di mana pengguna terus disajikan dengan kandungan yang selari dengan minat dan kecenderungan mereka. Pendedahan berulang ini membentuk normalisasi nilai tertentu, termasuk gaya hidup keseronokan dan kepuasan segera sehingga kandungan tersebut dianggap biasa dan tidak bermasalah dalam kehidupan seharian.²⁵

Selain algoritma, budaya viral turut menjadi strategi penting dalam penyebaran nilai hedonistik melalui media digital. Kandungan yang tular lazimnya menampilkan hiburan, dan gaya hidup mewah yang tidak terikat dengan batasan moral atau agama. Budaya trend dan cabaran dalam media sosial mendorong

²³ Couldry, N., & Mejias, U. A. *The costs of connection: How data is colonizing human life and appropriating it for capitalism*. Stanford University Press, 2019

²⁴ Anggraini, Mahsuna Aulia, and Anis Maisya. "YOLO Culture dalam Perspektif Islam: Dampak Globalisasi terhadap Perilaku Hedonisme di Kalangan Mahasiswa UIN Raden Mas Said Surakarta." *Moral: Jurnal kajian Pendidikan Islam*, Volume 2, no. 3 (Sep 2025), 87-97.

²⁵ Putri, Siska, Syukri Iska, Fandi Ahmad Marlion, Azifah Hidayati, and Miftahul Jannah. "Pergeseran Filosofis Motivasi Konsumsi Muslim: Analisis Dari Masalah Ke Hedonisme Di Era Digital." *Jurnal Ilmiah Falsafah: Jurnal Kajian Filsafat, Teologi dan Humaniora*, Volume 11, no. 1 (Dis 2025), 45-59.

pengguna meniru tingkah laku tertentu demi penerimaan sosial dan populariti, walaupun ia bercanggah dengan nilai agama dan etika.

Peranan *influencer* dan individu berpengaruh dalam media digital turut memperkukuhkan penyebaran gaya hidup hedonistik. Golongan ini sering dijadikan model kejayaan dan kebahagiaan, dengan kehidupan mereka dipersembahkan melalui kemewahan, keseronokan dan kebebasan gaya hidup. Pengaruh ini membentuk definisi kejayaan dalam kalangan belia, khususnya belia Islam yang terdedah tanpa penilaian yang mendalam.²⁶ Penampakan estetik visual dalam media digital juga memainkan peranan penting dalam menormalisasikan hedonisme. Paparan visual yang menarik menjadikan gaya hidup hedonistik kelihatan indah dan ingin dimiliki. Unsur visual ini mengaburkan realiti sebenar kehidupan serta mengalihkan perhatian daripada nilai kesederhanaan, pengawalan diri dan tanggungjawab moral yang diajarkan dalam Islam.²⁷

Secara keseluruhannya, strategi media digital beroperasi secara tersusun melalui algoritma, pendedahan berulang, budaya viral, pengaruh influencer dan estetik yang menarik. Proses ini berlaku secara berperingkat, sekali gus menjadi hedonisme sebahagian daripada budaya harian masyarakat. Keadaan ini menuntut kesedaran aqidah dan literasi digital yang kukuh agar umat Islam mampu menilai dan menapis pengaruh ideologi yang bercanggah dengan nilai Islam.

Bentuk-Bentuk Hedonisme Digital

Salah satu bentuk hedonisme digital yang paling ketara ialah hiburan melampau yang dipromosikan secara berterusan melalui media sosial dan platform penstriman. Kandungan hiburan digital tidak lagi berfungsi sekadar sebagai medium rehat atau pengisian masa lapang, sebaliknya menjadi teras kepada gaya hidup yang menyanjung keseronokan tanpa batas. Pendedahan berlebihan kepada hiburan digital mendorong pengguna menghabiskan masa secara berpanjangan dalam aktiviti bersifat keseronokan sehingga menjejaskan keseimbangan kehidupan rohani, sosial dan akademik khususnya dalam kalangan belia.²⁸

Selain itu, media digital berperanan dalam menormalisasikan unsur maksiat melalui paparan kandungan berkaitan seksualiti terbuka, muzik tanpa kawalan serta

²⁶ HR, SA Marivan, Kurniawati Kurniawati, and Yolanda Masnita. "Kredibilitas Social Media Influencer Marketing terhadap Minat Beli: Hedonisme Sebagai Moderasi." *Jurnal Ilmiah Manajemen Dan Bisnis*, Volume 23, no. 2 (Nov 2022), 130-145.

²⁷ Dinnur, Firman Isra, Heru Suprpto, Nilam Anggar Sari, Pinto Rukmi Handayani, and Kartina Eka Ningsih. "Pengaruh Kredibilitas Influencer Terhadap Minat Beli Pada Social Media Tiktok Dengan Hedonisme Sebagai Variabel Moderasi." *Jurnal Aplikasi Manajemen & Kewirausahaan MASSARO*, Volume 7, no. 1 (Feb 2025), 43-56.

²⁸ Yusof, Farahwahida Mohd, Zulkiflee Haron, Zilal Saari, and Ahmad Muhyuddin Hassan. "Pemeriksaan Akidah Teras Kelestarian Insan Menuju Masyarakat Madani: Empowerment Of Faith As The Foundation For Sustainable Humanity Towards A Civil Society." *Jurnal Yadim: International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, Volume 5, no. 2 (Dis 2025), 81-105.

gaya hidup bebas yang bercanggah dengan nilai agama. Kandungan sedemikian sering disampaikan dalam bentuk hiburan, estetik visual dan naratif kebebasan diri, menyebabkan perbuatan yang dahulunya dianggap salah atau semakin diterima sebagai kebiasaan budaya. Proses normalisasi ini berlaku secara berperingkat dan halus, sehingga batas antara halal dan haram menjadi kabur dalam kesedaran pengguna.²⁹

Hedonisme digital juga memperkukuhkan fahaman relativisme moral yang menilai sesuatu perbuatan berdasarkan perasaan, kepuasan dan kebahagiaan individu semata-mata. Ungkapan seperti "asal suka" dan "asal bahagia" mencerminkan cara berfikir yang menolak kebenaran mutlak secara disiplin agama dalam menentukan nilai baik dan buruk. Dalam konteks ini, agama dilihat sebagai urusan peribadi yang tidak seharusnya menghalang pilihan gaya hidup, sekali gus mencabar asas aqidah dan prinsip syariat Islam.³⁰

Keseluruhannya, bentuk-bentuk hedonisme digital ini saling berkait dan mengukuhkan antara satu dengan lain melalui media digital yang terbuka dan tidak bersempadan. Hiburan melampau, normalisasi maksiat dan relativisme moral membentuk satu budaya digital yang berpotensi menghakis nilai keimanan dan akhlak umat Islam. Tanpa kesedaran aqidah dan literasi digital yang kukuh, hedonisme digital mudah diterima sebagai sesuatu yang biasa, sedangkan ia membawa benda serius terhadap pembentukan identiti dan ketahanan aqidah Islam kontemporari.

Normalisasi Tanpa Disedari

Salah satu ciri paling berbahaya dalam penyebaran hedonisme melalui media sosial atau media digital ialah proses normalisasi yang berlaku tanpa disedari oleh pengguna. Pendedahan berulang terhadap kandungan berunsur hiburan melampau, gaya hidup bebas dan kepuasan diri menyebabkan elemen-elemen tersebut dianggap sebagai sesuatu yang biasa dan tidak bermasalah. Apabila kandungan yang sama dipaparkan secara konsisten melalui pelbagai platform, sensitiviti moral pengguna semakin menurun dan boleh mengaburkan batas antara tingkah laku yang dibenarkan dan yang dilarang.³¹

Pendedahan berulang ini berfungsi sebagai satu bentuk kebiasaan psikologi yang perlahan tetapi berkesan. Tanpa sebarang paksaan atau penolakan agama

²⁹ Syahindah Muhamad Hashrul, Husnulhuda Mohamad, Khazri Osman, "Persepsi Belia Terhadap Penggunaan Seni Muzik Dalam Menyampaikan Mesej Dakwah", *Prosiding Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah 2025*, Malaysia Jun 2024, Universiti Kebangsaan Malaysia

³⁰ Al Munir, M. led. "Melihat Ulang Hedonisme dari Perspektif Normatif dan Motivasi." *Titian: Jurnal Ilmu Humaniora*, Volume 8, no. 1 (Jun 2024), 41-53.

³¹ Permatasari, Ineke Intan, Maria Magdalena Widiantari, and Veny Ari Sejati. "Analisis Persepsi Pengguna Platform Tiktok Pada Konten Hedonisme Pengusaha Skincare Daviena di Media Sosial." *Innovative: Journal Of Social Science Research*, Volume 5, no. 1 (Jan 2025), 4937-4946.

secara terbuka, nilai hedonistik diserap ke dalam minda pengguna melalui visual yang santai dan mesej yang bersifat emosional. Proses ini menyebabkan pengguna semakin kurang mempersoalkan kandungan yang bercanggah dengan nilai agama dan moral, sebaliknya menerimanya sebagai sebahagian daripada realiti kehidupan moden yang normal.³²

Dalam konteks ideologi, normalisasi hedonisme ini boleh difahami sebagai satu bentuk halus yang mempengaruhi pemikiran dan sistem nilai masyarakat secara tidak langsung. Ideologi tidak disampaikan melalui hujah atau ajaran yang jelas, sebaliknya melalui gaya hidup, budaya popular dan simbol keseronokan yang dipersembahkan secara berulang. Peralihan nilai berlaku secara perlahan dan berperingkat, di mana prinsip-prinsip agama semakin terpinggir dan digantikan dengan nilai kebebasan, keseronokan serta kepuasan diri sebagai ukuran kebahagiaan.³³

Kesan daripada normalisasi tanpa disedari ini amat besar terhadap aqidah umat Islam. apabila nilai hedonisme diterima sebagai kebiasaan sosial, kepekaan terhadap tuntutan agama semakin melemah dan aqidah berisiko menjadi bersifat simbolik tanpa penghayatan yang sebenar. Oleh itu, pemahaman terhadap strategi normalisasi ini amat penting bagi membolehkan umat Islam mengenal pasti, menilai dan menapis ideologi hedonisme secara mendalam, di samping membina ketahanan aqidah dalam menghadapi cabaran media digital yang bersifat halus.

HEDONISME SEBAGAI CABARAN IDEOLOGI TERHADAP AQIDAH UMAT ISLAM

Konsep Tujuan Hidup

Dari perspektif aqidah Islam, tujuan utama penciptaan manusia adalah untuk beribadah kepada Allah SWT dan menjadi penghambaan (*'ubudiyah*) dalam bentuk seluruh aspek kehidupan. Kehidupan bukan matlamat mutlak, sebaliknya merupakan tempat ujian dan wasilah menuju kebahagiaan akhirat. Prinsip ini meletakkan tauhid sebagai teras kehidupan, di mana setiap perbuatan, pilihan dan gaya hidup dinilai berdasarkan ketaatan kepada perintah Allah serta kepatuhan kepada syariat.³⁴

Sebaliknya, fahaman hedonisme mengemukakan tujuan hidup yang berbeza secara asas. Dalam hedonisme, keseronokan dan kepuasan diri dijadikan matlamat utama kehidupan manusia, manakala nilai sesuatu tindakan diukur berdasarkan

³² Ritonga, Nur Ainun Ghoisani, Cantika Zahara, and Afwan Syahril Manurung. "Gaya Hidup Hedonis pada Remaja Masa Kini: Pengaruh Media Sosial dan Lingkungan Sosial." *WISSEN: Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, Volume 3, no. 3 (Jun 2025), 229-238.

³³ Soleh, Muhammad Soleh. "Youth, Religion, and Pop Culture: Modernitas Dalam Gaya Hidup Hedonisme Remaja Dan Budaya Populer Versus Eksistensi Agama Jaman Now." *SEMAR: Jurnal Sosial Dan Pengabdian Masyarakat*, Volume 1, no. 2 (Jun 2023), 35-44.

³⁴ Abū al-Layth al-Samarqandī, *Sharḥ al-Fiqh al-Akbar*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Beirut, 2007, hlm. 34-36.

manfaat emosi dan kesenangan peribadi semata-mata. Pendekatan ini menolak konsep kehidupan sebagai Amanah Illahi dan menggantikannya dengan kefahaman kebebasan mutlak individu untuk menuntukan makna kehidupan menurut kehendak sendiri.³⁵

Pertembungan antara kedua-dua ajaran ini membawa kepada hakisan konsep tujuan hidup dalam kalangan umat Islam apabila fahaman hedonisme diterima secara beransur-ansur. Hidup untuk beribadah digantikan dengan hidup untuk menikmati keseronokan, manakala nilai pengorbanan, disiplin dan ketaatan dianggap sebagai beban yang menghalang kebebasan diri. Dalam keadaan ini, ibadah dikurangkan kepada ritual yang terpisah daripada urusan kehidupan seharian dan tidak lagi berfungsi sebagai panduan yang mengatur seluruh kehidupan seorang Islam.³⁶

Dari sudut Aqidah, keadaan ini mencerminkan peralihan kehidupan daripada tauhid kepada kepuasan diri. Apabila hawa nafsu dan keseronokan dijadikan penentu utama tindakan, tauhid secara praktikal menjadi lemah meskipun diakui secara lisan. Fenomena ini tidak semestinya menzahirkan penolakan agama secara terbuka, sebaliknya melahirkan penyimpangan yang halus, di mana Allah SWT tidak lagi menjadi panduan atau rujukan utama dalam menentukan makna dan tujuan hidup.³⁷

Oleh itu, hedonisme sebagai ideologi bukan sekadar mencabar aspek moral atau tingkah laku, tetapi menggugat asas aqidah umat Islam dengan mengubah cara memahami tujuan penciptaan manusia. Dari perspektif Islam, kehidupan yang berteraskan keseronokan tanpa kawalan membawa kepada kekosongan rohani dan kerosakan nilai akhlak, manakala kehidupan yang berteraskan agama dan tauhid melahirkan keseimbangan, makna dan tanggungjawab. Analisis ini menunjukkan bahawa hakisan konsep tujuan hidup merupakan antara kesan paling serius hedonisme terhadap aqidah umat Islam, khususnya dalam konteks masyarakat moden yang terdedah secara berterusan kepada normalisasi keseronokan melalui media digital.

Penguatan Hawa Nafsu Dan Pelemahan Iman

Dalam ajaran aqidah Islam, hawa nafsu merupakan unsur dalaman manusia yang perlu dikawal dan dididik melalui iman, akal dan syariat. Nafsu tidak ditolak secara mutlak, tetapi mesti ditundukkan agar selaras dengan perintah Allah SWT. Apabila iman berfungsi dengan baik, ia berperanan sebagai benteng rohani yang

³⁵ Abū Naṣr al-Fārābī, *Taḥṣīl al-Sa'ādah*, Dār wa Maktabat al-Hilāl, Beirut, 1995, hlm. 21–24.

³⁶ Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *al-Arba'īn fī Uṣūl al-Dīn*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 2004, hlm. 112–114.

³⁷ Abū Bakr al-Bāqillānī, *al-Tamhīd fī al-Radd 'alā al-Mulḥidah*, Mu'assasah al-Risālah, Beirut, 1987, hlm. 276–279.

mengawal dorongan syahwat dan memastikan tingkah laku manusia kekal dalam bantas yang dibenarkan oleh agama.³⁸

Sebaliknya, hedonisme sebagai ideologi menjadikan pemuasan hawa nafsu dan syahwat sebagai asas kebahagiaan hidup. Keseronokan fizikal dan kepuasan emosi diangkat sebagai keutamaan, manakala pengawalan diri dan *mujahadah al-Nafs* dianggap sebagai halangan kepada kebebasan individu. Pendekatan ini secara langsung menguatkan kecenderungan nafsu dan menjadikan keseronokan sebagai kehidupan dan kejayaan hidup.³⁹

Penguatan hawa nafsu melalui hedonisme turut membawa kepada penolakan terhadap disiplin agama. Amalan seperti solat, menutup aurat dan adab pergaulan dilihat sebagai halangan keseronokan hidup. Dalam konsteks hedonistik, disiplin agama dianggap tidak selari dengan gaya hidup moden dan seterusnya dipinggirkan dan memenuhi tuntutan keseronokan serta penerimaan sosial.⁴⁰ Sikap menolak disiplin agama ini merupakan tanda kelemahan iman. Iman yang sah sepatutnya melahirkan ketaatan dan kesediaan untuk menundukkan kehendak diri kepada perintah Allah SWT. Namun, apabila nafsu dijadikan sebagai jalan kehidupan, ibadah tidak lagi difahami sebagai penyucian jiwa, sebaliknya dianggap beban yang mengganggu keselesaan hidup.⁴¹

Lebih membimbangkan, hedonisme membentuk bahawa agama merupakan penghalang kepada kebebasan dan kebahagiaan, pandangan ini bercanggah dengan ajaran Islam yang menegaskan bahawa syariat bertujuan membebaskan manusia daripada perhambaan kepada hawa nafsu dan dorongan dunia. Apabila kebebasan dimaksudkan sebagai ketiadaan batas, iman kehilangan peranannya sebagai panduan hidup.⁴²

Kesimpulannya, hedonisme bukan sahaja menguatkan hawa nafsu, malah melemahkan iman dengan menormalisasikan penolakan terhadap disiplin agama. Dari perspektif aqidah Islam, fenomena ini merupakan ancaman serius terhadap keseimbangan rohani dan moral umat Islam. tanpa pengukuhan iman dan kesedaran aqidah yang mendalam, hedonisme berpotensi melahirkan generasi Islam yang terpisah daripada nilai ketaatan dan tanggungjawab agama.

³⁸ Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī, *al-Irshād ilā Qawāṭi' al-Adillah fī Uṣūl al-ʿIṭiqād*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Beirut, 2003, hlm. 305–307.

³⁹ Abū ʿAlī Ibn Miskawayh, *Tahdhīb al-Akhlaq wa Taṭhīr al-Aʿrāq*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Beirut, 2007, hlm. 24–27.

⁴⁰ Abū Bakr al-Kalābādhī, *al-Taʿarruf li-Madhhab Ahl al-Taṣawwuf*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Beirut, 2006, hlm. 68–70.

⁴¹ al-Rāghhib al-Aṣḥāhānī, *al-Dhariʿah ilā Makārim al-Sharīʿah*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Beirut, 2001, hlm. 91–94.

⁴² Abū al-Muʿīn al-Nasafī, *Tabsirat al-Adillah fī Uṣūl al-Dīn*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Beirut, 2011, jld. 2, hlm. 742–745.

Kekeliruan Nilai Halal Dan Haram

Dalam Islam, penentuan nilai halal dan haram merupakan hak mutlak Allah SWT yang ditetapkan melalui wahyu. Prinsip ini menegaskan bahawa kebaikan dan keburukan tidak ditentukan oleh kehendak manusia, sebaliknya berpandukan kepada perintah dan larangan Allah. Kefahaman ini membentuk kerangka moral yang objektif dan konsisten serta berfungsi sebagai panduan hidup umat Islam dalam seluruh aspek kehidupan.⁴³

Namun, hedonisme dan budaya digital menyuburkan fahaman relative moral yang menolak konsep kebenaran mutlak. Dalam hal ini, sesuatu perbuatan dinilai benar atau salah berdasarkan perasaan, kepuasan diri dan konteks peribadi dan ianya bukan berdasarkan hukum agama. Prinsip halal dan haram semakin diketepikan dan digantikan dengan penilaian subjektif yang mengangkat kebebasan individu sebagai autoriti tertinggi dalam menentukan pilihan hidup.⁴⁴

Relativisme moral ini seterusnya melahirkan persepsi bahawa agama hanyalah panduan peribadi yang tidak wajar mencampuri pilihan dan gaya hidup seseorang. Ungkapan seperti "agama itu urusan masing-masing" dan "semua pilihan adalah peribadi" menjadi *trend* dalam dunia digital masa kini. Akibatnya, syariat Islam tidak lagi difahami sebagai sistem kehidupan yang menyeluruh, tetapi dikurangkan kepada kepercayaan dalaman tanpa implikasi terhadap tingkah laku.⁴⁵

Fahaman ini merupakan penyimpangan yang serius kerana menafikan fungsi wahyu sebagai sumber utama penentuan ilahi. Apabila agama dianggap subjektif, ajaran Islam dalam menetapkan hukum dipinggirkan dan manusia secara tidak langsung meletakkan akal serta hawa nafsu sebagai penentu kepada kebenaran. Keadaan ini membuka ruang kepada kekeliruan, di mana perbuatan yang jelas dilarang agama boleh diterima sekiranya dianggap memberi kepuasan atau tidak mendatangkan mudharat.⁴⁶ Pendekatan ini mengabaikan nilai rohani terhadap iman serta menafikan hakikat bahawa dosa dan maksiat memberi implikasi langsung terhadap hubungan manusia dengan Allah SWT.⁴⁷

Kesimpulannya, kekeliruan nilai halal dan haram akibat relativisme moral merupakan antara cabaran ideologi paling kritikal terhadap aqidah umat Islam. apabila agama dilihat sebagai pilihan peribadi dijadikan kayu ukur kebenaran, aqidah kehilangan fungsinya sebagai panduan hidup yang menyeluruh. Oleh itu,

⁴³ Abū Bakr al-Jaṣṣāṣ, *Aḥkām al-Qurʾān*, Dār Iḥyāʾ al-Turāth al-ʿArabī, Beirut, 1992, jilid 1, hlm. 97–105

⁴⁴ Sayf al-Dīn al-Āmidī, *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Beirut, 2003, jld. 1, hlm. 162–165.

⁴⁵ Ibn ʿAbd al-Barr, *Jāmiʿ Bayān al-ʿIlm wa Faḍlih*, Dār Ibn al-Jawzī, Riyadh, 1994, jld. 2, hlm. 910–913.

⁴⁶ al-Taftāzānī, *Sharḥ al-ʿAqāʾid al-Nasafīyyah*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, Beirut, 2001, hlm. 178–181.

⁴⁷ Abū ʿAbd Allāh al-Qurṭubī, *al-Jāmiʿ li-Aḥkām al-Qurʾān*, Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, Kaherah, 1964, jld. 7, hlm. 95–97.

pemeriksaan kefahaman aqidah dan prinsip halal haram amat penting bagi membina ketahanan iman dalam menghadapi pengaruh hedonisme dan budaya digital yang mengangkat kebebasan tanpa batas sebagai jalan kehidupan.

Impak Terhadap Generasi Muda Islam

Salah satu kesan paling ketara daripada pengaruh hedonisme digital terhadap generasi muda Islam ialah kekaburan identiti keislamannya. Dalam era media digital yang dipenuhi budaya global dan gaya hidup popular, pembentukan identiti belia tidak lagi berasaskan aqidah dan nilai agama secara kukuh, sebaliknya dipengaruhi oleh *trend*, dan citra diri dalam ruang maya. Keadaan ini menyebabkan sebahagian belia Islam berdepan kekeliruan antara tuntutan agama dan kehendak budaya semasa.⁴⁸

Identiti Islam seharusnya dibina atas asas iman yang menentukan cara berfikir, bertindak dan membuat keputusan hidup. Namun, pengaruh hedonisme menjadikan identiti agama semakin bersifat tidak kenal diri tanpa penghayatan sebenar terhadap makna penghambaan kepada Allah SWT. Akibatnya, aqidah tidak lagi berfungsi sebagai asas pembentukan jati diri tetapi sekadar alat sampingan dalam kehidupan harian.⁴⁹

Fenomena ini membawa kepada keadaan di mana aqidah difahami secara terpisah daripada realiti kehidupan seharian. Ramai generasi muda Islam masih mengakui keimanan secara lisan, namun prinsip aqidah tidak diterjemahkan dalam pilihan gaya hidup, hiburan, pergaulan dan penggunaan media digital. Iman menjadi kepercayaan peribadi terhadap ruang ibadah, manakala kehidupan seharian diatur berdasarkan nilai keseronokan, kebebasan dan kepuasan diri.⁵⁰

Akibat daripada keadaan ini, generasi muda Islam berisiko membentuk keperibadian yang terpecah, di mana keimanan dan amalan hidup tidak lagi selari. Ketidakeimbangan ini melemahkan daya tahan aqidah dan menjadikan belia mudah terpengaruh dengan ideologi luar yang menawarkan keseronokan segera dan penerimaan sosial tanpa memerlukan komitmen rohani. Dalam jangka panjang, keadaan ini boleh melahirkan generasi Islam secara identiti dan peribadi sahaja, tetapi tidak menjadikannya sebagai prinsip hidup.⁵¹

Oleh itu, kesan hedonisme terhadap generasi muda Islam bukan sekadar isu moral dan tingkah laku, tetapi merupakan cabaran aqidah yang mendalam.

⁴⁸ Woodman, D., & Bennett, A. "Cultures, transitions, and generations: The case for a new youth studies." In Woodman D., & Bennet A. (ed.) *Youth cultures, transitions, and generations: Bridging the gap in youth research*, London: Palgrave Macmillan UK, 2015, 1-15

⁴⁹ al-Ṭāhir ibn 'Āshūr, *Uṣūl al-Nizām al-Ijtimā'ī fī al-Islām*, Dār al-Salām, Kaherah, 2004, hlm. 41-44.

⁵⁰ Smith, Christian, and Melina Lundquist Denton. *Soul searching: The religious and spiritual lives of American teenagers*. Oxford University Press, 2009.

⁵¹ Abū al-Ḥasan 'Alī al-Nadwī, *Mādḥā Khasira al-'Ālam bi Inḥiṭāṭ al-Muslimīn*, Dār Ibn Kathīr, Beirut, 2006, hlm. 213-216.

Kekaburan identiti, sifat aqidah yang kurang dan pemisahan agama daripada gaya hidup menuntut pendekatan pembedaan yang menyeluruh yang berteraskan pengukuhan iman. Tanpa usaha serius untuk mengintegrasikan aqidah dalam kehidupan harian, generasi muda Islam berisiko kehilangan jati diri dan ketahanan rohani dalam menghadapi tekanan budaya hedonistik era digital.

ANALISIS MENDALAM DARI PERSPEKTIF AQIDAH ISLAM

Dari perspektif aqidah Islam, hedonisme jelas bercanggah dengan prinsip tauhid rububiyah yang menegaskan bahawa Allah SWT ialah Pentadbir mutlak alam ini. Tauhid Rububiyah menentu pengiktirafan bahawa seluruh kehidupan manusia berada di bawah kekuasaan dan peraturan Allah termasuk dalam menentukan nilai, tujuan dan cara hidup. Hedonisme sebaliknya mengalihkan pusat ketaatan daripada Allah kepada kehendak diri dan kepuasan nafsu, sekali gus melemahkan penghayatan tauhid dalam kehidupan seharian.⁵²

Dari sudut maqasid al-Syari'ah, hedonisme turut bercanggah dengan matlamat khususnya dalam aspek pemeliharaan agama (*ḥifẓ al-dīn*), jiwa (*ḥifẓ al-nafs*) dan akal (*ḥifẓ al-'aql*). Normalisasi keseronokan melampau dan gaya hidup bebas melemahkan pegangan agama, mendorong kepada kerosakan moral serta menjejaskan kesejahteraan jiwa.⁵³ Walau bagaimanapun, Islam tidak menolak hiburan atau keseronokan secara mutlak. Islam mengiktiraf fitrah manusia yang memerlukan rehat, kegembiraan dan hiburan, namun meletakkanya dalam kerangka kawalan syariat dan keseimbangan hidup. Hiburan dalam Islam berfungsi sebagai jalan untuk kesejahteraan jiwa bukan sebagai matlamat utama kehidupan. Prinsip kesederhanaan menjadi garis panduan agar keseronokan tidak melalaikan manusia daripada tanggungjawab ibadah dan nilai akhlak.⁵⁴

Oleh itu, analisis mendalam dari perspektif aqidah Islam menunjukkan bahawa hedonisme bukan sekadar isu budaya atau sosial, tetapi merupakan cabaran ideologi yang bercanggah dengan asas keimanan dan tujuan syariat. Islam menawarkan pendekatan yang seimbang dalam memenuhi keperluan jasmani dan rohani, ia berbeza dengan hedonisme yang bersifat ekstrem dan hanya untuk kepuasan diri. Kefahaman yang jelas terhadap prinsip aqidah ini amat penting bagi membina ketahanan umat Islam dalam menghadapi pengaruh hedonisme, khususnya dalam era media digital yang menormalisasikan keseronokan sebagai nilai tertinggi kehidupan.

⁵² Abū Ja'far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*, Dār Hajar, Kaherah, 2001, jld. 1, hlm. 146–148.

⁵³ Abū Bakr ibn al-'Arabī, *Aḥkām al-Qur'ān*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 2003, jld. 2, hlm. 784–787.

⁵⁴ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*, Maktabah Wahbah, Kaherah, 2013, hlm. 29–32.

KESIMPULAN

Hedonisme merupakan cabaran ideologi yang serius terhadap aqidah umat Islam pada era kontemporari ini. Fahaman ini bukan sekadar mempengaruhi tingkah laku dan budaya hiburan, malah menghakis asas keimanan dengan mengubah cara manusia memahami tujuan hidup, nilai hala dan haram serta hubungan dengan Allah SWT. Perkembangan media digital mempercepat pengaruh budaya hedonisme melalui pendedahan berulang, estetik dan memaparkan kebebasan individu, sehingga diterima sebagai sesuatu yang biasa dan tidak bermasalah dalam kehidupan seharian, khususnya dalam kalangan generasi muda Islam.

Penguatan aqidah perlu dijadikan asas utama bagi membina ketahanan iman, disokong oleh pendidikan yang relevan dengan realiti media digital. Peranan media perlu dimanfaatkan untuk membina naratif yang berteraskan nilai Islam, manakala masyarakat berfungsi sebagai benteng sokongan sosial dan moral. Pendekatan ini amat penting kerana memastikan umat Islam mampu menapis pengaruh hedonisme serta mengekalkan keseimbangan hidup yang selari dengan tuntutan aqidah dan syariat Islam.

RUJUKAN

- Abdullah, S. H. N., & Aman, N. S. (2025). Budaya Hedonisme: Penetrasi Dalam Kalangan Mahasiswa. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-10 (PASAK 10 2025)*, Selangor, 06–07 Ogos 2025, Universiti Islam Selangor.
- Abū ‘Abd Allāh al-Qurṭubī. *al-Jāmi‘ li-Aḥkām al-Qur’ān* (jld. 7). Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964
- Abū ‘Alī Ibn Miskawayh. *Tahdhīb al-Akhlāq wa Taṭhīr al-A‘rāq*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007
- Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Nadwī. *Mādhā Khasira al-‘Ālam bi Inḥiṭāt al-Muslimīn*. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 2006
- Abū al-Layth al-Samarqandī. *Sharḥ al-Fiqh al-Akbar*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2007
- Abū al-Mu‘īn al-Nasafī. *Tabsirat al-Adillah fī Uṣūl al-Dīn* (jld. 2). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2011
- Abū Bakr al-Ājurrī. *al-Sharī‘ah* (jld. 1). Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1996
- Abū Bakr al-Ājurrī. *al-Sharī‘ah* (jld. 1). al-Riyāḍ: Dār al-Waṭan, 1997
- Abū Bakr al-Bāqillānī. *al-Tamhīd fī al-Radd ‘alā al-Mulḥidah*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1987
- Abū Bakr al-Jaṣṣāṣ. *Aḥkām al-Qur’ān* (jld. 1). Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1982
- Abū Bakr al-Kalābādhi. *al-Ta‘arruf li-Madhab Ahl al-Taṣawwuf*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2006

- Abū Bakr ibn al-‘Arabī. *Aḥkām al-Qur’ān* (jld. 2). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003
- Abū Ḥāmid al-Ghazālī. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (jld. 3). Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Abū Ḥāmid al-Ghazālī. *Mizān al-‘Amal*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 2004
- Abū Ishāq al-Shāṭibī. *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah* (jld. 2). Riyadh: Dār Ibn ‘Affān, 1997
- Abū Ishāq al-Shāṭibī. *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī‘ah* (jld. 2). Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, 2003
- Abū Ja‘far al-Ṭahāwī. *al-‘Aqīdah al-Ṭahāwiyyah*. Tahqīq: Aḥmad Shākir. Kaherah: Dār al-Salām, 2000
- Abū Ja‘far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī. *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy al-Qur’ān* (jld. 1). Kaherah: Dār Hajar, 2001
- Abū Manṣūr al-Māturīdī. *Kitāb al-Tawḥīd*. Tahqīq: Fathullah Kholeif. Kaherah: Dār al-Jāmi‘ah al-Miṣriyyah, 1970
- Abū Naṣr al-Fārābī. *Taḥṣīl al-Sa‘ādah*. Beirut: Dār wa Maktabat al-Hilāl, 1995
- Al-As‘arī, Abū al-Ḥasan. *al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2011
- Al-Munīr, M. Ied. "Melihat ulang hedonisme dari perspektif normatif dan motivasi." *Titian: Jurnal Ilmu Humaniora*, Volume 8, no. 1, (2024), 41–53.
- Al-Ṭabarī, Ibn Jarīr. *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur’ān*. Tahqīq: Aḥmad Shākir. Beirut: Mu‘assasat al-Risālah, 2000
- al-Rāghib al-Aṣfahānī. *al-Dharī‘ah ilā Makārim al-Sharī‘ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001
- al-Taftāzānī. *Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasafiyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001
- Anggraini, M. A., & Maisya, A. "YOLO culture dalam perspektif Islam: Dampak globalisasi terhadap perilaku hedonisme mahasiswa." *Moral: Jurnal Kajian Pendidikan Islam*, Volume 2, no. 3, (2025), 87–97.
- Couldry, N., & Mejias, U. A. *The costs of connection: How data is colonizing human life and appropriating it for capitalism*. Stanford: Stanford University Press. 2019
- Dinnur, F. I., et al. "Pengaruh kredibilitas influencer terhadap minat beli dengan hedonisme sebagai moderasi." *Jurnal Aplikasi Manajemen & Kewirausahaan MASSARO*, Volume 7, no. 1, (2025), 43–56.
- Dittmar, H., Bond, R., Hurst, M., & Kasser, T. "The relationship between materialism and personal well-being: A meta-analysis." *Journal of Personality and Social Psychology*, Volume 107, no. 5, (2014), 879.
- Epicurus. Letter to Menoeceus. Dalam B. Inwood & L. P. Gerson (Ed.), *The Epicurus Reader*. Indianapolis: Hackett Publishing, 1994
- Fakhr al-Dīn al-Rāzī. *al-Arba‘īn fī Uṣūl al-Dīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004

- Hamzah, H., Sabjan, M. A., & Mat Akhir, N. S. "Konsep budaya hedonisme dari perspektif falsafah Yunani dan Barat moden." *Journal of Al-Tamaddun*, Volume 11, no. 1, (2016), 49–58.
- HR, S. A. M., Kurniawati, K., & Masnita, Y. "Kredibilitas social media influencer marketing terhadap minat beli." *Jurnal Ilmiah Manajemen dan Bisnis*, Volume 23, no. 2, (2022), 130–145.
- Ibn 'Abd al-Barr. *Jāmi' Bayān al-'Ilm wa Faḍlīh* (jld. 2). Riyadh: Dār Ibn al-Jawzī, 1994
- Imām al-Ḥaramayn al-Juwaynī. *al-Irshād ilā Qawāṭi' al-Adillah fī Uṣūl al-'Itiqād*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003
- Lo, E. W. "The effects of hedonism and gender on liberal accounting." *Telaah Bisnis*, Volume 20, no. 2, (2021), 1–8.
- Permatasari, I. I., Widiantari, M. M., & Sejati, V. A. "Analisis persepsi pengguna TikTok pada konten hedonisme." *Innovative: Journal of Social Science Research*, Volume 5, no. 1, (2025), 4937–4946.
- Puteri, R. D. H. "The influencer and hedonist lifestyle of digital society." *Jisiera: The Journal of Islamic Studies and International Relations*, Volume 3, no. 1, (2018), 1–14.
- Putri, S., et al. "Pergeseran filosofis motivasi konsumsi Muslim." *Jurnal Ilmiah Falsafah*, Volume 11, no. 1, (2025), 45–59.
- Ritonga, N. A. G., Zahara, C., & Manurung, A. S. "Gaya hidup hedonis pada remaja masa kini." *WISSEN: Jurnal Ilmu Sosial dan Humaniora*, Volume 3, no. 3, (2025), 229–238.
- Sayf al-Dīn al-Āmidī. *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* (jld. 1). Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003
- Smith, C., & Denton, M. L. *Soul searching: The religious and spiritual lives of American teenagers*. Oxford: Oxford University Press. 2009
- Soleh, M. S. "Youth, religion, and pop culture." *SEMAR: Jurnal Sosial dan Pengabdian Masyarakat*, Volume 1, no. 2, (2023), 35–44.
- Syahindah, M. H., Mohamad, H., & Osman, K. "Persepsi belia terhadap seni muzik dalam dakwah." *Prosiding Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah 2025*. Malaysia Jun 2024, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Woodman, D., & Bennett, A. "Cultures, transitions, and generations: The Case for a New Youth Studies" Dalam *Youth cultures, transitions, and generations*. London: Palgrave Macmillan, 2015, 1–15.
- Yūsuf al-Qaradāwī. *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 2013
- Yusof, F. M., et al. "Pemeriksaan akidah teras kelestarian insan." *Jurnal YADIM*, Volume 5, no. 2, (2025), 81–105.